



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 6 NOVEMBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PAM PASIR, BAUNG EKOR MERAH PUPUSKAN PATIN MUNCUNG, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 16	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOF)
2.	eDNA JEJAKI PATIN YANG 'HILANG', NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 16	LAIN-LAIN
3.	MESIN KISAR PADI BANTU PESAWAH KEDAH, KEDAH, HAKAH, M/S – 13	
4.	UPMS PACU SEKURITI MAKANAN SARAWAK, DUNIA KAMPUS, HAKAH, M/S – 6	
5.	KUPANG TERCEMAR LEPAS MINYAK SAWIT TUMPAH, NEGARA, KOSMO, M/S – 18	
6.	EMPANGAN SARAWAK JADI ZON AKUAKULTUR, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
7.	JANGAN TUNGGU PESAWAH MATI BARU NAK BAYAR – PN DESAK KERAJAAN LUNAS JANJI, PARLIMEN, HAKAH, M/S – 6	
8.	CALL FOR ANIMAL WELFARE MINISTRY, FRONT PAGE, THE SUN, M/S – 1	
9.	'M'SIA SHOULD CREATE GOVT BODY FOR ANIMAL WELFARE', NATIONAL, THE SUN, M/S – 5	
10.	108 NELAYAN, PENTERNAK KUPANG TERJEJAS SUSULAN TUMPAHAN MINYAK SAWIT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	16

Pam pasir, baung ekor merah pupuskan patin muncung

SHAH ALAM - Kerosotan habitat sungai akibat aktiviti manusia, pencemaran dan kehadiran spesies invasif seperti baung ekor merah adalah antara punca spesies ikan patin muncung kini hampir pupus.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Datuk Adnan Hussain berkata, berdasarkan penemuan penyelidikan Institut



Penyelidikan Perikanan Glami Lemi (IPPG), patin muncung kini amat sukar ditemui di habitat asalnya terutamanya di Sungai Pahang.

Menurutnya, kajian menunjukkan penurunan populasi yang ketara dan hanya beberapa rekod penemuan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan.

"Keadaan ini memberi gambaran bahawa spesies ini berada pada tahap kritikal dan berisiko tinggi untuk pupus di habitat semula jadi sekiranya tiada intervensi pemuliharaan dijalankan dengan segera.

"Faktor spesies patin muncung pupus ialah kerosotan habitat sungai akibat aktiviti manusia seperti pam pasir, pencemaran dan perubahan struktur dasar sungai selain kehilangan sumber makanan utama (molusk) disebabkan gangguan ekologi dan penurunan mikrofauna yang menjadi asas kepada rantaian makanan.

"Faktor lain ialah kehadiran spesies invasif seperti baung ekor merah yang bersaing untuk sumber makanan serta memangsa ikan asli.

"Pertumbuhan semula jadi yang perlahan dan populasi yang kecil menjadikan proses pemulihan populasi semula jadi sangat lambat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, setakat ini usaha ternakan atau domestikasi patin muncung masih sangat terhad.

Jelasnya, hal ini kerana spesies terabit sukar ditangkap untuk dijadikan induk dan mempunyai diet semula jadi yang sangat khusus iaitu hanya memakan molusk seperti etak, siput dan gastropod.

"Keadaan ini menyukarkan penyesuaian terhadap makanan formulasi dalam sistem akuakultur.

"Maka, kajian pembiakan dan penyesuaian pemakanan masih perlu dipertingkatkan bagi membolehkan usaha ternakan berjaya dijalankan di masa hadapan," ujarnya.

Mengulas mengenai adakah patin muncung wajar disenarai dalam spesies dilindungi, kata Adnan, melihat kepada status hidupan itu yang semakin terancam dan kesukaran dikesan di habitat liar, patin muncung wajar disenaraikan

sebagai spesies dilindungi di bawah perundangan perikanan atau hidupan akuatik negara.

Kata beliau, langkah ini penting bagi mengawal pengambilan, penjualan atau pemilikan spesies ini secara tidak terkawal.

"la membolehkan perancangan program konservasi dan pemuliharaan dijalankan dengan strategi yang tersusun serta menjadikannya sebagai penanda aras ekosistem sihat bagi Sungai Pahang dan sistem sungai lain di Semenanjung Malaysia," ujarnya.

Katanya lagi, DOF IPPGL melaksanakan penyelidikan lanjutan dan pemetaan populasi menggunakan teknologi terkini seperti DNA persekitaran (eDNA) untuk menjejaki kehadiran spesies tanpa perlu menangkapnya.

"Langkah lain yang dilakukan ialah pemantauan habitat Sungai Pahang bagi mengenal pasti zon kritikal dan kawasan pembiakan semula jadi serta cadangan pengisytiharan patin muncung sebagai spesies dilindungi di bawah peraturan sedia ada," ujarnya.

eDNA jejak patin yang 'hilang'

Teknologi eDNA kenal pasti populasi patin kayangan cecah kos RM250,000

SHAH ALAM

Kos menggunakan teknologi DNA persekitaran (eDNA) bagi menjejaki patin muncung yang semakin 'hilang' dari sungai utama seperti Sungai Pahang dianggap mencecah antara RM150,000 hingga RM250,000, bergantung kepada bilangan serta kekerapan stesen persampelan.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Perikanan dan Akuakultur Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Tun Nurul Aimi Mat Jaafar

berkata, kos itu merangkumi peralatan penapisan dan pengekstrakan DNA, bahan kimia makmal, pengurusan sampel di lapangan serta analisis makmal berteknologi tinggi menggunakan teknik Next-Generation Sequencing.

Menurut beliau, walaupun kos awalnya tinggi, eDNA sebenarnya lebih menjimatkan berbanding kaedah konvensional yang memerlukan penangkapan ikan menggunakan jaring atau pukat di banyak lokasi.

"Ini kerana eDNA hanya memerlukan air sungai sebagai sumber maklumat biologi. Kalau kita lihat, kos analisis makmal untuk mendapatkan jujukan DNA adalah lebih kurang RM600 bagi satu sampel," katanya kepada *Sinar Harian*.

Jelasnya, teknologi eDNA berfungsi dengan mengesan bahan genetik yang ditinggalkan oleh ikan di persekitarannya – termasuk sisik yang tertinggal, lendir badan, najis, sisa makanan atau sel kulit.

Sisa ini dibawa arus dan boleh dikesan walaupun ikan tersebut tidak lagi berada di lokasi persampelan ketika sampel diambil.

"Tempoh keseluruhan kajian



TUN NURUL AIMI

eDNA lazimnya mengambil masa antara enam hingga 24 bulan. Ini termasuk fasa persediaan, persampelan air di lapangan, analisis di makmal serta pemprosesan dan tafsiran data genetik.

"Buat masa ini, eDNA lebih sesuai untuk mengesahkan ke-

hadiran atau ketiadaan spesies dan untuk pemantauan kepelbagaian ikan, bukannya untuk menganggarkan stok populasi dengan sangat tepat," katanya.

Sinar Ahad minggu lalu melaporkan Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Perikanan Giami Lemi, Dr Haslawati Baharuddin berkata, teknologi terkini seperti eDNA amat sesuai digunakan sebagai kaedah kajian lanjutan bagi menjejaki patin muncung di Sungai Pahang yang di ambang kepupusan.



INFO

- Bagaimana eDNA membantu? Data dikumpul eDNA penting untuk menentukan zon pembiakan kritikal dan mengawal aktiviti yang merosakkan habitat.
- Usaha pemuliharaan dapat dirancang lebih tepat dan cepat sebelum spesies ikonik Sungai Pahang itu benar-benar hilang daripada ekosistem.

SPESIES IKAN PATIN DI MALAYSIA

1. IKAN PATIN MUNCUNG

Harga sekilogram: RM280-RM350

Ciri-ciri:

- Bahagian hidung atau muncung memanjang ke hadapan dan sempit.
- Badan lebih langsing berbanding patin lain.
- Bahagian belakang agak tirus dan berwarna kelabu perak.



2. IKAN PATIN BUAH

Harga sekilogram: RM150-RM300

Ciri-ciri:

- Badan lebih bulat.
- Perut ikan buncit dan besar.
- Kepala berbentuk bulat.
- Badan berwarna kelabu keperakan, selalunya dengan bahagian belakang sedikit gelap.
- Saiz boleh cecah sehingga 1.5 meter panjang.



3. IKAN PATIN JUARA

Harga sekilogram: RM80-RM150

Ciri-ciri:

- Tubuh lebih kecil berbanding jenis patin yang lain.
- Tubuh bulat dan pendek.
- Kepala berbentuk bulat.



4. IKAN PATIN LAWANG

Harga sekilogram: RM30

Ciri-ciri:

- Tubuh panjang dan bulat.
- Mampu membesar sehingga lebih 20kg.
- Warna kulitnya lebih cerah, sedikit warna merah di sirip dan ekor.
- Salah satu daripada beberapa spesies patin tempatan.



5. IKAN PATIN SANGKAR

Harga sekilogram: RM16-RM22

Ciri-ciri:

- Mempunyai tubuh bulat dan panjang.
- Warna kelabu perak pada bahagian atas badan.
- Kulit licin dan tidak bersisik.
- Terdapat satu sirip tulang tajam di sepanjang garis sisinya.
- Sering dijumpai di sungai besar, tasik dan takungan berlumpur atau berpasir.



Muka depan *Sinar Ahad*, 2 November 2025.

Mesin kisar padi bantu pesawah Kedah



Dzowahir pada Majlis Penyerahan Mesin Kisar Padi di Masjid Manarul Ehsan, Alor Setar, Kedah.

ALOR SETAR: Golongan pesawah di negeri ini kini berpeluang menikmati hasil titik peluh mereka sendiri apabila kerajaan negeri menyerahkan sebuah mesin kisar padi kepada kariah Simpang Empat Kuar, di sini kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perlindungan Negeri, Dzowahir Ab Ghani, berkata pemberian mesin itu adalah bentuk pengiktirafan terhadap jasa serta usaha gigih pesawah yang menjadi nadi utama kepada pengeluaran makanan negara.

"Mesin ini membolehkan pesawah merasai sendiri hasil kerja mereka, daripada benih yang ditanam, kepada padi yang dituai dan akhirnya kepada beras yang dimakan bersama keluarga," katanya ketika berucap pada Majlis Pe-

nyerahan Mesin Kisar Padi di Masjid Manarul Ehsan.

Menurut beliau, setakat ini sebanyak 30 unit mesin kisar padi sudah diserahkan di seluruh negeri sebagai sebahagian daripada inisiatif membantu pesawah berskala kecil.

"Tujuannya untuk membantu pesawah yang mengusahakan sawah bendang kecil. Dengan adanya mesin ini, mereka tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada kilang besar. Pesawah kecil boleh merasai sendiri hasil titik peluh mereka," jelasnya.

Dzowahir yang juga ADUN Suka Menanti, berharap inisiatif berkenaan bukan sahaja meningkatkan pendapatan pesawah, malah mampu mengukuhkan semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat setempat.

UPMS pacu sekuriti makanan Sarawak

Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS) muncul sebagai

peneraju transformasi

pertanian negeri menerusi

pelaksanaan AgriHub@

Gedong, satu inisiatif

strategik berimpak tinggi

yang menggabungkan

kekuatan penyelidikan

universiti, teknologi moden

dan penglibatan aktif

komuniti tani.

Projek tersebut

dilaksanakan dengan

sokongan Kerajaan Negeri

Sarawak di bawah kepimpinan

Premier, Datuk Patinggi Tan

Sri Dr Abang Abdul Rahman

Zohari Tun Datuk Abang

Haji Openg, yang berhasrat

menjadikan Gedong sebagai

pusat inovasi pertanian

negeri serta penyumbang utama kepada agenda sekuriti makanan negara.

Beroperasi di Kampung

Lubok Punggor, Gedong,

AgriHub ini menggunakan

pelbagai teknologi pertanian

pintar termasuk dron

multispektral, sistem pengiraan

automatik, serta mesin

transplanter dan combine

harvester bagi meningkatkan

produktiviti penanaman padi

sehingga 6 tan sehektar.

Menurut Pensyarah Kanan

Fakulti Sains Pertanian

dan Perhutanan UPMS, Ts.

Dr Muhammad Huzaifah

Mohd Roslim, projek ini

menjadi model kolaborasi

tiga hala antara universiti,

kerajaan dan komuniti, selain

menjelmakan visi True North

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Ir. Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, dalam

mengembalikan kekuatan

universiti sebagai peneraju

bidang pertanian negara.

"AgriHub@Gedong bukan

sekadar tapak penyelidikan,

tetapi platformi sebenar bagi

mengintegrasikan sains

pertanian dengan keperluan

komuniti.

"Ia memperlihatkan

bagaimana inovasi boleh

diterjemahkan secara

langsung kepada peningkatan

hasil dan pendapatan

petani," katanya dalam

perkongsian di laman sosial.

Tambah beliau, selain

menjadi pusat penyelidikan,

AgriHub@Gedong turut

memperkasa komuniti tani

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

6/11/2025

HARAKAH

DUNIA KAMPUS

6



Petani Gedong mengaplikasikan teknologi pertanian pintar menggunakan mesin transplanter automatik di bawah inisiatif AgriHub@Gedong yang diterajui UPMS.

melalui program jalinan

Kasih Tani (JKT) yang

menghubungkan penyelidik,

pelajar dan petani secara

langsung di lapangan.

Inisiatif ini bukan hanya

memperkenalkan teknologi

baharu, tetapi juga membina

kepercayaan dan mengubah

budaya kerja petani ke arah

pertanian berasaskan sains

dan data.

Dengan kejayaan

pelaksanaannya, model

AgriHub ini berpotensi

diperluas ke Simunjan,

Lundu, Banting dan Lingga,

sekali gus memperkukuh

usaha Sarawak mencapai

tahap kecukupan beras

dan menjadikan AgriHub@

Gedong pusat rujukan

pertanian pintar serantau di

rantau ASEAN.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2025	KOSMO	NEGARA	18

Kupang tercemar lepas minyak sawit tumpah

JOHOR BAHRU – Kira-kira 108 nelayan serta penternak kupang di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang terjejas susulan insiden tumpahan minyak kelapa sawit berlaku di Sungai Cupak, Khamis lalu.

Mansor Muda, 75, berkata, nelayan dan penternak kupang terpaksa menghentikan operasi harian mereka berikutan bimbang dengan kesan pencemaran terhadap hasil laut.

“Nelayan dan penternak kupang di sini sudah lima hari tak turun ke laut.

“Kalau diikutkan, sehari penternak kupang kalau tuai hasil

dalam RM2,000, nelayan pula dalam RM200 hingga RM500. Lima hari kami hilang lebih RM10,000,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Nelayan Kampung Pasir Putih, Hamzah Allahditta, 64, berkata, kejadian tumpahan minyak di situ telah berlaku lebih 10 kali.

“Saya tinggal dan jadi nelayan di sini lebih 45 tahun, saya ingat lebih 10 kali kejadian tumpahan minyak berlaku di kawasan ini.

“Sudah banyak kali kita mengadu kepada pihak berkenaan, kejadian sama tetap berlaku,” katanya.



SEBAHAGIAN nelayan menunjukkan hasil laut yang dicemari minyak kelapa sawit di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang semalam.

Empangan Sarawak jadi zon akuakultur

KUCHING – Kerajaan merancang untuk memanfaatkan empangan hidroelektrik seperti Bakun, Murum, Baleh dan Batang Ai sebagai zon akuakultur masa depan, yang akan turut menumpukan kepada penternakan ikan tilapia hitam berskala besar.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Seri Dr. Stephen Rundi Utom berkata, dengan pembangunan itu, Sarawak diyakini berpotensi besar menjadi peneraju bukan sahaja dalam industri tilapia tetapi juga seluruh sektor akuakultur pada masa depan.

"Kita mempunyai banyak empangan, Empangan Bakun sahaja sebesar Singapura dan buat masa ini hanya Empangan Batang Ai yang digunakan untuk akuakultur, tetapi kita mempunyai empangan lain seperti Bakun, Murum dan Baleh yang boleh dimanfaatkan.

"Apabila keadaan air di empangan matang, kita boleh mewu-

judkan zon akuakultur di situ," katanya dalam sidang akhbar sempena majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Blue Future Holding dengan Kerajaan Sarawak berkenaan pembangunan pusat sumber genetik ikan tilapia hitam di sini semalam.

Justeru, Rundi menyifatkan pembangunan pusat sumber genetik ikan tilapia hitam tersebut sebagai pemangkin perubahan dalam usaha memodenkan penternakan tilapia di Sarawak.

"Kami sudah mengenal pasti tapaknya, kawasan yang diperlukan tidak besar dan kita mempunyai tanah yang mencukupi iaitu kira-kira 200 ekar telah dikenal pasti, dan mereka mungkin hanya memerlukan sekitar 50 ekar. Ini untuk tujuan penyelidikan dan kemudian akan dikembangkan.

"Matlamat saya ialah untuk membantu para penternak ikan yang selama ini berusaha tetapi tidak mendapat hasil," ujarnya.

05 November 2025

Imperial Hotel, Kuching



STEPHEN (tengah) menyaksikan pertukaran MoU dalam pembangunan pusat sumber genetik ikan tilapia hitam di Kuching semalam.

Sementara itu, Ahmad

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2025	THE SUN	MUKA HADAPAN	1

Call for **Animal Welfare** Ministry

Specialised body can strengthen enforcement, improve coordination with NGOs, local councils, and ensure protection for man's best friends: Veterinarian



'M'sia should create govt body for animal welfare'

➤ Service could strengthen enforcement, improve coordination with NGOs and local councils: Specialist

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia should establish a ministry or department for animal welfare to ensure stronger protection, better coordination and more compassionate public policies for animals, said Ohana Vet Clinic and Surgery medical director Dr Jawahir Abdullah.

Animal welfare issues fall under the Veterinary Services Department, which also oversees livestock, food security and disease control.

Jawahir, better known as Dr Wawa, said this structure often dilutes the focus on animal protection.

"Right now, animal welfare is managed under the department, which has a very broad portfolio. With so many competing responsibilities, welfare issues could easily be overshadowed."

She said a specialised body focused solely on animal welfare could strengthen enforcement, improve coordination with NGOs and local councils, and ensure animal protection gets the attention it deserves.

She added that such a body could play a crucial role in driving education and public awareness, shifting the national mindset from reactive cruelty to preventive, compassionate care.

She also said Malaysia's animal welfare system suffers from overlapping jurisdictions between local councils, the department, NGOs and independent rescuers, which often leads to confusion and inefficiency.

"Councils handle stray management, the department looks at cruelty cases and licensing, but both rely heavily on NGOs for rescue and rehabilitation."

"When roles are not clearly defined, cases are delayed, resources get duplicated and animals end up suffering."

Wawa called for a unified national strategy that brings all stakeholders under one framework with clear accountability and communication channels.

"What we really need is an integrated system and faster, fairer and more effective enforcement that truly protects animals."

She acknowledged the Animal Welfare Act 2015 as a strong foundation but said its implementation remains inconsistent due to manpower shortages, limited resources and low public awareness.



Wawa called for a unified national strategy that brings all stakeholders under one framework with clear accountability and communication channels. — AMIRUL SYAFIQ/THE SUN

"The Act provides a solid framework, but its effectiveness depends on capacity, coordination and awareness."

"We have seen progress, but enforcement needs strengthening. With better resources, the Act could make a real, lasting difference."

She supports the creation of a specialised enforcement unit trained to handle animal cruelty cases, similar to how wildlife officers manage poaching investigations.

"Handling cruelty cases require specialised knowledge in animal behaviour and evidence collection."

"A dedicated unit would respond more quickly and professionally, ensuring investigations are fair, consistent and sensitive," she said.

She emphasised that such a unit must work closely with the department, local councils and NGOs to avoid duplication and ensure coordinated action rather than competition.

Wawa outlined three key recommendations for establishing a ministry or department for animal welfare:

- Establish a clear structure and mandate to ensure the new body complements the work of the department and local councils without overlapping responsibilities.

- Strengthen enforcement capacity by

providing proper training, facilities and resources for officers handling welfare and cruelty cases, ensuring actions taken are effective and compassionate.

- Promote public education and collaboration through greater community awareness, responsible pet ownership and strong partnerships with NGOs and local authorities.

"A successful animal welfare system is one in which animals are protected not just by law, but also by empathy."

"Prevention and education must go hand in hand with enforcement."

She reminded Malaysians that true animal welfare starts at the individual and community level.

"Laws and enforcement are important, but real change begins with compassion and understanding."

"Every act of kindness, such as adopting, rescuing, reporting cruelty or simply caring responsibly, contributes to a more humane Malaysia."

She said building a compassionate society reflects the nation's shared values of care and empathy.

"Together, we can create a Malaysia where animals are treated with the respect they deserve," she added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

+108 nelayan, penternak kupang terjejas susulan tumpahan minyak sawit

JOHOR BAHRU: Kira-kira 108 nelayan dan penternak kupang di Kampung Pasir Putih terjejas susulan insiden tumpahan minyak dipercayai minyak kelapa sawit di Sungai Cupak, Khamis lalu.

Akibat kejadian itu, komuniti nelayan di kawasan berkenaan terpaksa menghentikan operasi harian berikutan bimbang dengan kesan pencemaran terhadap hasil laut yang menjadi sumber rezeki utama mereka.

Seorang nelayan, Mansor Muda, 75, berkata, sejak insiden itu berlaku, mereka tidak turun ke laut kerana khuatir hasil tangkapan dan ternakan kupang terjejas akibat pencemaran tersebut.

"Sudah lima hari kami tak turun ke laut. Pendapatan harian nelayan biasanya antara RM200 hingga RM500, manakala penternak kupang boleh mencecah RM2,000 sehari. Sekarang semua terhenti, anggaran lebih RM10,000 sudah hilang," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, Ketua Nelayan Kampung Pasir Putih, Hamzah Allahditta, 64, mendakwa kejadian tumpahan minyak di perairan Sungai Cupak bukan perkara baharu, malah sudah berlaku lebih 10 kali sejak beliau menjadi nelayan di kawasan itu



MANSOR Muda menunjukkan saki baki dipercayai tompokan berwarna kuning minyak kelapa sawit yang tumpah di perairan Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

lebih 45 tahun lalu.

"Sudah banyak kali kami buat aduan kepada pihak berkenaan, tetapi kejadian sama tetap berulang. Biasanya ambil masa hampir dua minggu untuk kawasan ini kembali pulih," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Kampung Pasir Gudang, Jaslan Md. Subari, menggesa kerajaan neg-

eri dan agensi berkaitan segera tampil melakukan siasatan serta membantu komuniti nelayan yang terjejas.

"Kami berharap pampasan dapat disegerakan kerana mereka sudah lama tidak berpendapatan. Jangan biarkan mereka terus menanggung derita, melihat laut setiap hari tapi tidak dapat mencari rezeki," katanya.